

## *Mengambil tebusan*

{Mas. Akta  
A1131}

### **374A. Mengambil tebusan.**

Sesiapa yang menangkap atau menahan dan mengugut untuk bunuh, cedera atau terus menahan orang lain ("orang tebusan") untuk memaksa Kerajaan Malaysia atau mana-mana kerajaan negeri di Malaysia, mana-mana kerajaan yang lain atau lain-lain organisasi antarabangsa atau mana-mana orang lain atau kumpulan orang untuk melakukan atau menegah daripada melakukan apa-apa perbuatan keadaan eksplisit atau implisit bagi pembebasan orang tebusan hendaklah dihukum.

- (a) jika perbuatan itu mengakibatkan kematian, dengan bunuh; dan
- (b) dalam kes-kes yang lain, dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari tujuh tahun tetapi tidak melebihi tiga puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan denda.

## *Rogol*

### **375. Rogol.**

Seseorang lelaki adalah dikata melakukan "rogol" jika ia, kecuali dalam hal yang dikecualikan kemudian daripada ini, bersetubuh dengan seseorang perempuan dalam keadaan yang termasuk di bawah mana-mana daripada perihal-perihal yang berikut:

- (a) bertentangan dengan kemahuan perempuan itu;
- (b) dengan tiada kerelaan perempuan itu;
- (c) dengan kerelaan perempuan itu manakala kerelaannya telah didapati dengan mendatangkan kepadanya atau mana-mana orang lain ketakutan mati atau cedera, atau telah didapati melalui salah tanggapan fakta dan lelaki itu tahu atau ada sebab untuk mempercayai bahawa kerelaan itu telah diberi akibat dari salah tanggapan tersebut;
- (d) dengan kerelaan perempuan itu manakala lelaki itu ketahui bahawa ia bukan suaminya, dan kerelaan itu diberi kerana perempuan itu percaya lelaki itu ialah seorang lelaki yang menjadi atau yang ia percaya menjadi suaminya yang sah di

sisi undang-undang atau yang kepadanya ia akan memberi kerelaan;

- (e) dengan kerelaannya, jika pada masa memberi kerelaan itu dia tidak boleh memahami jenis dan akibat mengenai apa yang dia memberi kerelaan;
- (f) dengan kerelaan perempuan itu, apabila kerelaannya didapati dengan menggunakan kedudukannya yang berkuasa ke atas perempuan itu atau atas sebab hubungan profesional atau lain-lain hubungan amanah berkaitan dengannya; {Gan. Aki A1273}
- (g) sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak, apabila perempuan itu di bawah umur enam belas tahun. {Mas. Aki A1273}

*Huraian*—Kemasukan adalah memadai bagi persetubuhan yang perlu bagi kesalahan ro gol.

*Kecualian*—Persetubuhan oleh seseorang lelaki dengan isterinya dengan perkahwinan yang sah di bawah mana-mana undang-undang bertulis pada masa itu berkuatkuasa, atau diiktiraf dalam Persekutuan sebagai sah, bukanlah ro gol.

*Huraian 1*—Seorang perempuan—

- (a) tinggal berasingan dari suaminya di bawah dikri pemisahan kehakiman atau suatu dikri tidak dibuat mutlak; atau
- (b) yang memperolehi injunksi menyekat suaminya dari melakukan persetubuhan dengannya,

hendaklah disifatkan sebagai bukan isteri bagi maksud seksyen ini.

*Huraian 2*—Seorang perempuan Islam yang tinggal berasingan dari suaminya dalam tempoh iddah, yang mana akan dihitung mengikut Hukum Syarak, hendaklah disifatkan sebagai bukan isteri suaminya bagi maksud seksyen ini.

### **375A. Suami menyebabkan kecederaan untuk mengadakan persetubuhan.** {Mas. Aki A1273}

Mana-mana lelaki dalam suatu perkahwinan yang sah menyebabkan kecederaan atau ketakutan kematian atau kecederaan kepada isterinya atau mana-mana orang lain untuk mengadakan persetubuhan dengan isterinya hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai lima tahun.

**376. Seksaan bagi rogol.**

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), (3) dan (4), barang siapa melakukan rogol hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh yang boleh sampai dua puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat.

(2) Barang siapa melakukan rogol ke atas seseorang perempuan di bawah mana-mana keadaan berikut:

- (a) pada masa, atau segera sebelum atau selepas melakukan kesalahan itu, menyebabkan kecederaan kepada perempuan itu atau kepada mana-mana orang lain;
- (b) pada masa, atau segera sebelum atau selepas melakukan kesalahan itu, meletakkannya dalam ketakutan kematian atau kecederaan kepada perempuan itu atau mana-mana orang lain;
- (c) kesalahan itu telah dilakukan dalam kehadiran atau di hadapan mana-mana orang lain;
- (d) dengan tiada kerelaan perempuan itu, apabila perempuan itu di bawah umur enam belas tahun;
- (e) sama ada dengan kerelaan perempuan itu atau tidak, apabila perempuan itu di bawah umur dua belas tahun;
- (f) dengan kerelaannya, apabila kebenaran diperolehi dengan menggunakan kedudukan berkuasanya terhadap perempuan itu atau kerana hubungan profesional atau hubungan amanah lain yang berhubungan dengannya; atau
- (g) pada masa kesalahan itu perempuan itu mengandung,

hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari lima tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun dan bolehlah juga dikenakan sebat.

(3) Barang siapa melakukan rogol ke atas seseorang perempuan di mana hubungan perempuan itu dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan, untuk berkahwin dengan perempuan itu, hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari lapan tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat tidak kurang dari sepuluh sebatan.

(4) Barang siapa semasa melakukan atau percubaan melakukan rogol menyebabkan kematian perempuan yang dirogol itu atau yang ke atasnya percubaan rogol itu dilakukan hendaklah dihukum mati atau penjara selama tempoh tidak kurang dari lima belas tahun dan tidak lebih dari tiga puluh tahun, dan bolehlah juga dikenakan sebat tidak kurang dari sepuluh sebatan.

*Sumbang mahram*

**376A. Sumbang mahram.**

[Mas.  
AII]

Seseorang itu dikatakan melakukan sumbang mahram jika seorang lelaki atau seorang perempuan melakukan persetubuhan dengan orang lain di mana hubungan lelaki dan perempuan itu adalah tidak dibenarkan, di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkaitan bagi lelaki dan perempuan tersebut, untuk berkahwin dengan orang itu.

**376B. Hukuman bagi sumbang mahram.**

[Mas.  
AII]

(1) Barang siapa yang melakukan sumbang mahram hendaklah diseksa dengan penjara selama tempoh tidak kurang dari enam tahun dan tidak lebih dari dua puluh tahun, dan hendaklah juga dikenakan sebatan.

(2) Ianya hendaklah menjadi pembelaan kepada tuduhan terhadap seseorang di bawah seksyen ini sekiranya dibuktikan—

(a) bahawa lelaki atau perempuan itu tidak mengetahui bahawa orang yang lelaki atau perempuan itu mengadakan persetubuhan itu adalah seseorang yang hubungan dengannya adalah tidak dibenarkan di bawah undang-undang, hukum agama, adat atau kebiasaan yang berkaitan bagi lelaki atau perempuan tersebut untuk berkahwin dengan orang itu; atau

(b) bahawa perbuatan persetubuhan telah dilakukan tanpa persetujuan lelaki atau perempuan itu.

*Huraian*—Seseorang yang di bawah enam belas tahun, jika seorang perempuan, atau di bawah tiga belas tahun, jika seorang lelaki hendaklah dianggap tidak mampu untuk memberi persetujuan.